

23/07/2004

Rakyat Terengganu mula nikmati pembangunan

JERTIH: Rakyat Terengganu kini menikmati pembangunan yang dijanjikan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum lalu, apabila pelbagai projek besar mula dilaksanakan di negeri ini setelah lebih 100 hari BN memerintah semula Terengganu.

Menteri Besar, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata Akademi Latihan Memandu Automotive Centre of Excellence (ACE) berharga RM100 juta di Gong Medang, Besut adalah antara projek pembangunan yang dijanjikan itu.

Katanya, projek itu bukan saja mampu mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan, malah menjadikan Terengganu negeri utama dalam pembangunan Koridor Perindustrian Pantai Timur.

"Berikutan itu, rakyat perlu bersiap sedia dari sekarang dengan mengadakan perancangan dan meluaskan perniagaan serta perusahaan bagi menampung pertumbuhan pelawat.

"Dengan siapnya projek pembangunan dan pembinaan Lebuh raya Pantai Timur (LPT) yang akan bermula Oktober ini, jumlah pelawat ke Terengganu akan bertambah," katanya ketika merasmikan majlis pecah tanah ACE di sini, semalam.

Turut hadir Pengerusi ACE Malaysia Sdn Bhd, Tan Sri Ab Rahman Omar; Pengerusi Nasional Academy of Motorsport, Datuk Mokhzani Mahathir dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Muhtar Abdullah.

Kompleks akademi di kawasan seluas 180 hektar yang menyediakan 150 peluang pekerjaan itu dijangka siap dalam tempoh sembilan bulan.

ACE mampu melatih seramai 50,000 pemandu pelbagai jenis kenderaan komersial setahun selaras hasrat kerajaan melahirkan pemandu yang cekap dan berhemah.

Idris berkata, pemandu cekap bukan saja akan menjadikan jalan raya sebagai tempat yang selamat tetapi akan menyokong pembangunan industri dan ekonomi negara.

Beliau berkata, penduduk daerah Besut sendiri mesti bersedia menawarkan perkhidmatan dan penyediaan makanan kepada pelatih dari Pantai Timur yang menjalani latihan di akademi itu.

"ACE bukan saja mensasarkan pelatih dari Terengganu, Pahang dan Kelantan tetapi merancang menawarkan perkhidmatan kepada pemandu dari selatan Thailand pada masa depan," katanya.

"Ini akan menyebabkan jumlah pelawat dan pelancong ke daerah Besut bertambah dan pengusaha perlu merancang untuk menyediakan perkhidmatan kepada pelawat itu," katanya.

Beliau berkata, sejak program pengindahan bandar Kuala Terengganu dilaksanakan, jumlah pelancong dan pelawat semakin bertambah sehingga ibu negeri mulai sesak.

Katanya, Terengganu memerlukan 1,000 lagi bilik penginapan kerana jumlah bilik yang ada sekarang tidak mampu menampung pertumbuhan pelancong, terutama pada cuti persekolahan dan perayaan.

(END)